

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN** : BUKAN LISAN

**DARIPADA** : **Tuan Sim Tong Him  
(Kota Melaka)**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tentang kedudukan projek Pengindahan Sungai Melaka Parcel 2 nyatakan kos projek keseluruhan dan berapakah telah dibelanjakan setakat ini:

- a) Bilakah projek ini dapat disiapkan sepenuhnya; dan
- b) Jumlah tambahan kos yang diperlukan untuk projek ini.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Pembersihan dan Pengindahan Sungai Melaka Parcel 2 merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk menjadikan Sungai Melaka bersih, indah dan tarikan pelancongan. Sebanyak RM285 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan projek ini.

- a) Projek ini telah bermula pada 1 Februari 2012 dan dijangka siap pada 31 Disember 2014.
- b) Bagi kerja-kerja pembinaan dianggarkan sebanyak RM16.52 juta tambahan kos yang melibatkan perubahan kerja (*variation order*), penambahan kelulusan kuantiti sementara dan pelarasan untuk kuantiti. Manakala sebanyak RM2 juta bagi tambahan kos pengambilan balik tanah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]**

**SOALAN : 311**

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang latar belakang Rayani Airline yang dikatakan akan menggunakan Lapangan Terbang Melaka untuk dijadikan Hub operasinya:-

- a) senaraikan ahli lembaga pengarah syarikat ini dan modal berbayar dan berapa buah pesawat dan jenis pesawat dimiliki oleh syarikat ini; dan
- b) namakan destinasi yang dirancangkan pada mulanya dan tarikh mula beroperasi.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui surat bertarikh 19 Jun 2014 kepada Jabatan Penerbangan Awam (DCA) telah memberi kelulusan secara prinsip kepada syarikat Rayani Air bagi mengadakan Permit Perkhidmatan Udara (*Air Services Permit – ASP*) untuk mengadakan perkhidmatan penerbangan tidak berjadual (*charter*) penumpang dengan menggunakan pesawat B737-400 dan berpangkalan di Lapangan Terbang Melaka. Ahli lembaga pengarah syarikat Rayani Air yang merupakan 100% warganegara Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Mohd Hizaruddin Wahab bin Mahidin
- (ii) Ravi Alagendrran
- (iii) Umad bin Suhaili
- (iv) Karthiyani Govinda

Syarikat ini mempunyai modal berbayar sebanyak RM400 ribu dan mempunyai sebuah pesawat B737-400 bagi mengadakan perkhidmatan penerbangannya.

b) Syarikat Rayani Air bercadang untuk mengadakan penerbangannya ke semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta menghubungkan pelancong serantau dan antarabangsa melalui pintu masuk Melaka ke destinasi-destinasi pelancongan di Malaysia. Syarikat ini hanya dibenarkan mula beroperasi tertakluk kepada kelulusan syarikat tersebut dalam

menjalani audit teknikal dan memperolehi *Air Operator's Certificate* (AOC) daripada DCA.